



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41 (68)

Tarikh: 17 Mac 2013

Ketua Pengarang,

Sinar Harian

Akhbar : **Sinar Harian**
Tarikh : **16 Mac 2013**
Perkara : **Tujuh Keluarga Buat Demonstrasi**

Dengan hormatnya artikel bertajuk 'Tujuh Keluarga Buat Demonstrasi' bertarikh 16 Mac 2013 adalah berkaitan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa, penduduk Taman Desa Putri boleh mengemukakan laporan kerosakan rumah terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Daerah Jempol. Ini kerana kecacatan rumah kediaman tersebut berlaku selepas tamat tempoh liabiliti kerosakan iaitu sama ada 18 bulan atau 24 bulan dari tarikh pemilikan kosong (*vacant possession*), seperti yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian Jual Beli rumah-rumah tersebut.

Sekiranya PBT mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kemungkiran perjanjian berlaku yang mengakibatkan kerosakan rumah kediaman tersebut, maka pihak PBT boleh menyampaikan suatu notis kepada orang berkenaan menurut peruntukan Undang-Undang Kecil 258, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pemilik rumah kediaman yang terbabit boleh melaporkan kerosakan rumah kepada pihak Majlis Daerah Jempol di alamat berikut :

Jurutera

Bahagian Kawalan Bangunan

Majlis Daerah Jempol,

72120 Bandar Seri Jempol

Negeri Sembilan Darul Khusus,

Tel: 06 – 458 1233 / 06 – 458 4857 / 06 – 458 4858

Faks : 06 – 458 5800

Selain daripada itu, pada 3 April 2013, Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perumahan Negara telah memanjangkan aduan kepada Majlis Daerah Jempol dan disalinkan ke Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) untuk tindakan lanjut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my